

09/02/2001

Calon pemilihan Umno perlu ikhlas demi perpaduan

Jamaluddin Che Tam

TIBA April ini, medan persaingan merebut jawatan pada peringkat bahagian Umno akan berlangsung lagi. Sekali lagi, 17,909 cawangan Umno dengan 2.8 juta ahlinya akan terseret dalam kancah semangat juang bangsa Melayu.

Pertarungan mencalonkan 20 peratus untuk jawatan ketua bahagian, 15 peratus timbalan ketua dan 10 peratus naib ketua diramalkan berlangsung sengit. Pemilihan dan pengundian pula sudah menjadi agenda utama parti masa kini.

Aktivis Umno melihat fenomena ini dengan perasaan bimbang terhadap nasib masa depan bangsa. Malah, agenda pemilihan dilihat menjadi lebih penting daripada enam perkara asas dan tujuan Umno ditubuhkan.

Sudah semakin ramai ahli tidak lagi prihatin terhadap prinsip asas perjuangan parti - mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara; mendukung dan mempertahankan Perlembagaan Negara, perlembagaan negeri-negeri dan raja berperlembagaan; menegak, mempertahankan dan mengembangkan Islam, agama rasmi negara serta menghormati prinsip kebebasan beragama; mempertahankan kedaulatan rakyat dan keadilan sosial dengan mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi berParlimen serta memajukan ekonomi rakyat Melayu dan Bumiputera khususnya dan rakyat Malaysia amnya; menjamin kedudukan bahasa kebangsaan (bahasa Melayu) sebagai bahasa rasmi yang tunggal dan kebudayaan kebangsaan yang berteraskan kebudayaan Melayu; mewujudkan kerjasama antara kaum bagi melahirkan satu bangsa Malaysia yang kuat dan bersatu berasaskan kepada hak-hak asasi manusia dan hak-hak istimewa orang Melayu dan Bumiputera.

Sesungguhnya objektif berkenaan cukup dinamik menuju Wawasan 2020. Jika ramai ahli Umno bersedia melaksanakannya, maka Umno akan menjadi semakin relevan kepada bangsa Melayu, manakala agenda pemilihan jawatan atau forum Umno hanya suatu urusan sosial dalam pentadbiran sesebuah organisasi.

Namun, persaingan untuk mendapat jawatan parti sudah semakin terasa bahangnya. Sejarah membuktikan banyak pertandingan menimbulkan insiden dukacita dan perpecahan sesama sendiri.

Kerakusan dan kegilaan merebut jawatan menimbulkan pelbagai konflik. Pada masa sama, perebutan tidak dapat dielakkan.

Bukanlah semata-mata kerana nafsu serakah gila kuasa. Ahli tertentu yang memegang jawatan enggan berundur pada masa yang dianggap sesuai berbuat demikian.

Dari segi falsafah, perebutan jawatan adalah hak ahli menurut perlembagaan Umno. Parti sememangnya memerlukan pemimpin terbaik di antara yang baik, lebih-lebih lagi jawatan parti adalah terhad.

Justeru, pemimpin yang berkualiti mestilah memiliki daya juang, daya bela, daya pimpin dan kredibiliti. Personalitinya baik sehingga boleh dipanggil moralis.

Namun, kadangkala wang pula menjadi faktor penentu. Umno tercemar di kaca mata masyarakat kerana berleluasanya politik wang. Undang-undang dan etika Umno mengharamkan kaedah ini.

Begitupun, diakui cukup sukar menyekat amalan ini pada ketika ahli parti cukup ghairah merebut jawatan yang halal. Inilah yang dikatakan 'matlamat menghalalkan cara'.

Umno dilihat sudah menempuh sejarah penguncupan dan pengembangan kuasa. Ahli parti yang positif menyaksikan penguncupan dan pengembangan kuasa Umno yang lazimnya akan silih berganti.

Namun, ada pihak yang mengakui lebih rasional melihat Umno sedang

menempuhi proses penguncupan pengaruh.

Sejak ditubuhkan pada 1946, Umno tidak dapat mengelak daripada peristiwa rugi dan untung. Ia dimulai dengan serpihan anggotanya yang membentuk Parti Negara.

Pada 1951, serpihan anggota Umno menubuhkan Pas. Selepas Umno diharamkan pada 24 April 1987, tertubuh pula Semangat 46. Sepuluh tahun kemudian, krisis kepemimpinan Umno menyaksikan sekali lagi serpihan anggota Umno membawa diri dan menubuhkan parti Keadilan.

Jelas, perpecahan memberi impak kepada kestabilan Umno dalam agenda pilihan raya negara.

Pilihan raya umum 1969 menyaksikan Perikatan yang diterajui Umno hanya mampu memperoleh 66 daripada 144 kerusi Parlimen yang ditandingi. Dari segi logiknya, Umno dan Perikatan pada masa itu tidak boleh membentuk kerajaan.

Umno sudah dilihat lemah dan berlaku pula Peristiwa 13 Mei 1969. Realitinya kebangkitan golongan ekstrim Cina ketika itu ada hubung kaitnya dengan Umno lemah.

Namun, Umno dan Melayu tetap sinonim. Umno adalah pertubuhan Melayu yang dianggotai oleh bangsa Melayu. Parti yang mempunyai asas yang kukuh menegak, mempertahankan dan mengembangkan agama Islam.

Tiga puluh tahun selepas itu, dalam pilihan raya umum 1999, sekali lagi menyaksikan kuasa Melayu (Umno) tercabar. Umno hanya memenangi 72 daripada sejumlah 193 kerusi Parlimen.

Kuasa tawar-menawar Umno dilihat lemah. Kewibawaan Umno semakin teruji apabila diterjemahkan melalui beberapa insiden dan tuntutan yang ekstrim.

Apakah resipi Umno untuk menghadapi pilihan raya umum 2004? Adakah agenda menukar pemimpin Umno secara drastik boleh menguatkan Umno?

Semuanya amat bergantung kepada motif sebenar ahli Umno bertanding merebut jawatan. Ada anggota Umno sangat berharap jawatan dapat menjanjikan kekayaan diri.

Pada hemat mereka, Umno adalah 'lombong emas'. Mereka percaya nikmat kekayaan sudah diperoleh oleh pemimpin yang pernah berkuasa dalam Umno.

Ada sebilangan aktivis Umno berusaha bersungguh-sungguh mendapatkan jawatan berasaskan kehendak perlembagaan dan semangat nasionalisme yang tebal. Ada pula anggota yang bertanding jawatan semata-mata kerana berniat membalas dendam.

Sejak kebelakangan ini, ada pula yang memperalatkan diri untuk memenuhi agenda politik orang lain. Apa pun alasannya, pertandingan jawatan pasti menuntut banyak pengorbanan.

Kesinambungan pengorbanan pula ialah tuntutan menyayangi parti dan anggotanya. Justeru, kasih dan sayang kepada parti sewajarnya diterjemahkan dalam pertandingan yang sihat.

Persaingan untuk menjadi pemimpin Umno pada tahun-tahun sebelum masuk era 80-an nampak jelas ciri-ciri keikhlasannya. Tidaklah pula untuk menafikan pemimpin selepas era 80-an ada yang ikhlas, tetapi keikhlasan itu agak samar.

Pada tahun-tahun sebelum 80-an, anggota parti tidak sangat berebut-rebut menonjolkan diri untuk mendapat kedudukan dalam parti. Tidak hairanlah ahli parti tolak menolak apabila hendak diketengahkan menjadi pemimpin.

Pemimpin yang terpilih lazimnya yang hebat berpidato. Sesungguhnya pemimpin yang bersih, cekap dan amanah saja diperlukan oleh parti.

Apabila budaya sogok, rasuah, rakus, gelojoh dan sindrom anomi (masyarakat yang amat mementingkan kebendaan dan lupa kepada nilai-nilai sosial) melanda anggota Umno, wajah parti sudah bertukar.

Semangat nasionalisme ahli semakin pudar hinggalah ramai yang tawar hati berjuang aktif dalam Umno. Ramai sekadar menjadi tukang angguk - yang mengangguk semata-mata bersetuju atau angguk mengantuk.

Petikan ucapan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada Perhimpunan Agung Umno 2000 wajar menjadi renungan: "Perasuah mungkin mendapat sesuatu bagi dirinya, tetapi bangsa yang dipenuhi perasuah tetap akan dihina dan musnah akhirnya."

Memberi dan menerima rasuah sudah dilihat semacam budaya biasa dalam Umno. Apabila satu pihak memulakannya, maka pihak yang satu lagi akan mengambil pendekatan sama.

Akhirnya calon yang kalah akan berasa cukup rugi, manakala yang menang pula belum tentu beruntung lagi. Dendam kesumat akan bersarang di hati. Pertentangan dalam parti akan berterusan.

Pada waktu sama, sebilangan ahli pula seronok menanti musim pemilihan. Musim durian runtuh. Jadi, nampak jelas Umno cukup bertenaga, aktif dan meriah pada musim-musim perebutan jawatan dan pilihan raya.

Budaya kunjung-mengunjung, jamu-menjamu, bersedekah dan derma kepada yang susah dan senang amat terserlah. Kunjung-mengunjung boleh membawa hingga ke larut malam atau pagi.

Dr Mahathir, pada perhimpunan yang sama, seterusnya menegur: "Ahli Umno sudah lupa kepada semangat keMelayuan. Mereka juga sudah menjadi tamak. Penyertaan dalam Umno kerap kali lebih disebabkan untuk mendapat jawatan dan nikmat tertentu. Cabaran yang kita hadapi sekarang lebih besar, bukan saja dari luar, tetapi dari dalam, daripada bangsa Melayu sendiri, bahkan dari anggota Umno sendiri."

Medan persaingan merebut jawatan parti lazimnya mewujudkan puak-puak dan juak-juaknya pula akan bertungkus-lumus berkempen. Fitnah, surat layang, caci-mencaci kadang-kadang menjadi sukar dibendung.

Ahli yang terlampau fanatik dan taksub kepada calon pilihan masing-masing boleh pula membawa kepada permusuhan. Ahli akar umbi sanggup bermasam muka dan tidak bertegur sapa.

Jadi, yang jelas, perebutan jawatan sudah menjadi agenda utama. Perbahasan untuk berbincang dan melaksanakan perjuangan asas parti menjadi dingin dan tawar. Akhirnya, apabila yang menang berkuasa, berlaku pula episod diskriminatif dalam bentuk diskriminasi sosial atau ekonomi.

Masyarakat Melayu di luar parti, terutama generasi muda, menyaksikan perebutan kuasa sebagai suatu konflik yang menjatuhkan kredibiliti Umno.

Pemimpin veteran Umno sudah ada yang menitiskan air mata melihat babak baru perjuangan Umno. Mereka pemimpin mithali yang pernah berundur secara cukup sopan. Tidak tunggu disindir, dipesan, diarah atau dipecat untuk berbuat demikian.

Pada 1998, Umno Bahagian Merbok mengemukakan usul ke Perhimpunan Agung Umno yang berbunyi: "Pemimpin politik pada semua peringkat Umno yang ternyata tidak lagi berpotensi dan sudah ketandusan idea adalah lebih bijak mengambil langkah berundur."

Sama ada kita suka atau tidak, parti tentunya selesai menyaksikan pemimpin yang tidak lagi boleh membina kekuatan parti berundur. Sikap baik itu akan menjadi ingatan betapa pengorbanan telah disumbang demi kekuatan parti.

Umno milik kita semua. Siapa juga yang memimpin dan yang dipimpin tidak akan rugi apabila Umno kuat.

(END)